



BAB DUA



BAB 2

RAGAM PASIF BAHASA ARAB

2.0 Pengenalan

Penguasaan bahasa Arab bukan sekadar tertumpu kepada kemampuan seseorang berkomunikasi dengan lancar semata-mata, bahkan aspek sintaksis atau tatabahasa terhadap bahasa tersebut perlu dimiliki. Dengan memiliki asas pengetahuan sintaksis yang mantap, pemahaman terhadap sesuatu teks tulisan dan perbualan akan terus meningkat.

Antara unsur penting yang terdapat di dalam sintaksis ialah mengetahui jenis-jenis kata kerjanya. Ini kerana penggunaan sesuatu kata kerja itu akan menyusun struktur tertentu di dalam ayat yang sudah pasti akan membawa makna berlainan. Ahli nahu Arab bersepakat di dalam masalah ini dengan menetapkan dua kategori kata kerja utama iaitu kata kerja aktif (*Binā' Li al-Ma'lūm*) dan kata kerja pasif (*Binā' Li al-Majhūl*).

Penggunaan kata kerja aktif perlu disertai dengan agen pelakunya sama ada ia terdiri daripada kata nama atau kata ganti nama (*Damīr*). Berbeza dengan kata kerja pasif yang tidak memerlukan kepada agen pelakunya dinyatakan. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh beberapa faktor tertentu yang bakal dibahaskan secara mendalam di dalam bab ini nanti.

Satu kaedah telah digariskan oleh para ahli nahu Arab bagi membezakan antara aktif dan pasif. Adalah amat berfaedah untuk mengetahui bentuk-bentuk aktif dan pasif bagi tujuan menghindarkan kesilapan di dalam penulisan dan juga pemahaman teks atau dialog.

Bab ini akan menyentuh permasalahan ragam pasif secara lebih terperinci dari aspek definisinya dan juga turut disertakan pandangan-pandangan ulama nahu berkenaan. Fokus utama perbincangan akan tertumpu kepada pecahan ragam pasif yang terdiri dari kata kerja pasif, kata nama pasif serta yang seumpamanya. Disamping itu, turut diselongkar objektif pemakaian ragam pasif bahasa Arab dari sudut makna dan lafaz yang digunakan.

2.1 Definisi Ragam Pasif

Sebelum perbahasan kajian ini meninjau lebih meluas, adalah wajar jika diteliti apakah yang dimaksudkan dengan ragam pasif. Pemahaman terhadap istilah yang digunakan ini amat perlu bagi memperjelas topik serta ruang lingkup perbahasan kajian yang bakal dibentangkan.

Istilah ragam pasif tercetus hasil cantuman dua perkataan iaitu ragam dan pasif. Jika diceraikan perkataan ragam itu sendiri mempunyai pelbagai makna dan maksud. Di antara pengertian yang tercatit di dalam kamus dewan¹ ialah ;

- i. Tingkah, cara, laku, olah – Aku menjunjung sekotak pinggan dan kawan-kawan lain masing-masing dengan ragamnya.
- ii. Jenis, macam – Dalam masyarakat ada berbagai-bagai ragam manusia.
- iii. Lagu, langgan – Maka gendang dipukul oranglah tujuh ragam.
- iv. Corak, ragi, warna – Kain yang cantik ragamnya.
- v. Ragam bahasa – variasi bahasa berdasarkan penggunaannya yang berkaitan dengan situasi (tajuk perbincangan, bidang...) yang tertentu.

¹ *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka*, Edisi ketiga (1998), Kuala Lumpur, h. 1085

Sementara perkataan pasif¹ pula membawa maksud ;

- i. Menerima pengaruh (tidak mempengaruhi), tidak giat (melawan), lawan aktif – menunjukkan sifat beku dan pasif terhadap kegiatan sosial.
- ii. Pengeluaran lebih daripada penerimaan.

Makna-makna yang dinyatakan di atas adalah pengertian pragmatik yang sering kali digunakan di dalam percakapan harian. Hasil cantuman dua perkataan ini akan memberi gambaran awal terhadap penggunaannya di dalam bidang linguistik.

Di dalam kajian ini, penggunaan istilah ragam pasif adalah merujuk kepada istilah asalnya di dalam bahasa Arab iaitu **صيغة المبني للمفعول**. Kemunculan istilah ini juga adalah

hasil gubahan dari cantuman tiga perkataan iaitu **المفعول** dan **المبني**, **صيغة المبني**.

Perkataan **صيغة المبني** mengandungi makna ; bagai, macam, asal, rupa lafaz². Perkatan **مبني**

pula adalah devirasi dari perkataan **بناء و بناء و بناء**. Dari segi bahasa ia

membawa maksud meletakkan sesuatu ke atas sesuatu benda dengan tujuan hendak mengekalkannya³.

¹ *Ibid*, h. 984

² Muhammad Idris bin 'Abd al-Ra'uf al-Marbawiy (1934), *Qāmūs Idrīs al-Marbawiy*, 1, c.5, Kaherah: Dār al-Fikr, h.345

³ Jamal al-Dīn bin 'Abdullah bin Ahmad Al-Fākihiy (1972), (e.d) Sholih bin Husain al-'Āyid, *al-Ḥudūd al-Nabwiyat*, c.1, Arab Saudi, T.P, h.335

Secara khususnya perkataan *bīnā'* boleh dimaksudkan dengan binaan atau bagunan¹. Bagi ilmuan nahu, perkataan ini membawa maksud mengekalkan baris di huruf akhir perkataan pada suatu keadaan dengan berubahannya tanda-tanda kebahasan yang terkena ke atasnya². Kesemua kata kerja Arab adalah *bīnā'* kecuali kata kerja kala kini³.

Perkataan مجهول pula adalah derivasi daripada perkataan جهلهُ جهلهُ yang

membawa maksud tidak mengetahui atau jahil⁴. Apa yang dimaksudkan dengan tidak diketahui di dalam konteks penggunaan istilah ini ialah agen pelaku yang tersembunyi dari pengujuran atau penulisan setelah menggunakan kata kerja pasif. Keadaan ini membuatkan agen pelakunya tidak diketahui umum.

Berdasarkan kepada makna-makna yang dipaparkan, dapat dirumuskan satu definisi ragam pasif iaitu suatu bentuk kata kerja pasif dan kata nama pasif serta seumpamanya yang tidak menyatakan siapa pelaku perbuatan tersebut. Pelakunya dimansuhkan di atas sebab-sebab tertentu yang membawa keindahan pada makna dan lafaznya. Kemudian digantikan tempat yang telah dimansuhkan itu dengan suatu unsur yang akan dinominatifkan serta diterapkan ke atasnya segala ciri-ciri pelaku yang lain.

2.1.1 Pandangan Awal Ahli Nahu Terhadap Ragam Pasif

Bagi mendapat gambaran jelas pengertian ragam pasif bahasa Arab, dirasakan adalah lebih baik kajian ini menyenaraikan beberapa pandangan awal para ulama nahu Arab yang

¹ *Ibid*, h.66

² Ibrāhīm Anīs (1972), ‘Abd Halīm, ‘Atīyyat al-Suwālihiy, Muḥammad Khalfullāh, *al-Mu’jam al-Wāṣiṭ*, j.1, c.2, Kaherah : Majma‘ al-Lughat al-Arabiyyat, h.72

³ Amīl Bādī ‘Ya’qūb (1988), *Mausu’at al-Nāḥiyah wa al-Šarīf wa al-I’rāb*, c.1, Kaherah : Dār al-Ilm Li al-Malāyīn, h.497.

⁴ Al-Marbawiy, op.cit, h.112.

memperbaikkan permasalahan ini di dalam hasil karya-karya mereka. Di antara mereka ialah ;

- i. Al-Khalil bin Ahmad¹ :

(مَا لَمْ يُذْكُرْ فَاعِلُهُ : ضُربَ زَيْدَ وَ كُسِّيَ عَمْرَو)

Terjemahan : Apa (kata kerja) yang tidak menyatakan pelakunya ; Dipukul Zaid dan dipakaikan (baju kepada) Amr .

- ii. Al-Farrā' ² :

(مَا لَمْ يُسَمِّ فَاعِلُهُ إِذَا خَلَا بِاسْمِ رَفِيْعٍ)

Terjemahan : Apa (kata kerja) yang tidak dinamakan pelakunya, kecuali dengan kata nama nominatif.³

- iii. Al-Mubarrid⁴ :

(هَذَا بَابُ الْمَفْعُولِ الَّذِي لَا يُذْكُرْ فَاعِلُهُ وَهُوَ رَفِعٌ تَحْوِيْقُكَ : ضُربَ زَيْدَ وَ ظُلْمٌ عَبْدُ الله)

Terjemahan : Ini satu bab pada menyatakan objek yang tidak dinyatakan pelakunya dan ia adalah marfu' seperti kata kamu : "Dipukul Zaid" dan "kena zalim Abdullah".

- iv. Ibn al-Sarrāj⁵ :

(... فِعْلُ بُنِيِّ الْمَجْهُولِ)

Terjemahan : Kata kerja yang berbentuk majhul (pasif).

¹ Al-Khalil bin Ahmad (1985), ed : Fakhr al-Dīn ,*Kitāb al-Jumal Fi al-Naḥw*, c.1, Beirut : Mu'assasat al-Risālat , h.118.

² Abū Zakariyā Yahya Bin Ziyād bin 'Abdullah al-Farrā' (1963), (ed) Ahmad Yūsuf Najātī, Muḥammad Aliy Najār dan 'Abd al-Fataḥ al-Šalibiy, *Ma'āni al-Qurān*, j.2, c.1, Kaherah : Dār al-Kutub, h.210

³ faiṭū tempat pelaku yang telah dimansuhkan itu akan digantikan dengan kata nama nominatif.

⁴ Abū al-'Abbās bin Farrāj al-Mubarrid (1964), (ed) Muḥammad 'Abd al-Khalīd 'Adhimat, *al-Muqtādhab*, j.4, c.1, Kaherah : al-Majlis al-A'la Li al-Shu'un al-Islāmiyat , h.50

⁵ Abū Bakr Muḥammad al-Sarrāj (1999), (e.d) 'Abd. al-Husain al-Fatliy, *al-Uṣūl al-Kabīr*, 'Abd. al-Husain al-Fatliy, j.1, c.4, Beirut : Maktabat al-Risālat , h. 76

v. Ibn al-Hājib¹ :

(فعلٌ مَا لَمْ يُسَمْ فَاعِلٌ)

Terjemahan : Kata kerja yang tidak dinamakan pelakunya.

vi. Al-Sayūtiy² :

(... بَنِي لِلنَّفْعُولِ)

Terjemahan : Dibina bagi objek..

vii. Ibn al-'Uṣfūr³ :

(فَإِنْ كَانَ الْفِعْلُ مَبْنِيًّا لِلنَّفْعُولِ صَرِيرَةً عَلَى فَعْلٍ)

Terjemahan : Jika sesuatu kata kerja dibina maf'ul kamu tukarkannya kepada pola فَعْلٍ .

viii. Al-Zajjājīy⁴ :

(بَابُ مَا لَمْ يُسَمْ فَاعِلٌ)

Terjemahan : Bab yang menyatakan sesuatu yang tidak dinamakan pelakunya.

ix. Muṣṭafa al-Ghalāyainiy⁵ :

الْفِعْلُ الْمَجْهُولُ : مَا لَمْ يُذْكَرْ فَاعِلَةً فِي الْكَلَامِ بَلْ كَانَ مَخْدُوفًا لِغَرضٍ مِنَ الْأَغْرَاضِ

Terjemahan : Kata kerja pasif ialah : Apa (kata kerja) yang tidak dinyatakan pelakunya pada percakapan, bahkan ia dimansuhkan bagi tujuan-tujuan tertentu.

¹ Jamāl al-Dīn Abu 'Amr 'Uthmān al-Hājib (1985), (e.d) Radiy al-Dīn Muḥammad bin al-Hasan *Kitāb al-Kaifiyat Fi al-Nāḥiy*, j.1, c.1, Beirut : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyat , h.83

² Jalāl al-Dīn 'Abd al-Rahmān bin Abū Bakr al-Sayūtiy (1998), (e.d) Ahmad Shams al-Dīn, *Ham' al-Hawāni' Fi Sharḥ Jam'* *Jawāni'*, j.3 c.1, Beirut : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyat , h.274.

³ Abū al-Hasan 'Aliy bin Mu'min bin Muḥammad Bin 'Aliy Bin 'Uṣfūr al-Ishbiliy (1987), (e.d) Fakhr al-Dīn Qābāwah, *al-Mu'mti Fi al-Tasrīf*, j.2 c.1, Beirut : Dār al-Ma'rifa , h. 451.

⁴ Abū al-Qāsim 'Abd Rahmān bin Ishqāq al-Zajjājīy (1985), (e.d) 'Aliy Taufiq al-Hamad, *Kitāb al-Jumal Fi al-Nāḥiy*, c.1, Beirut : Mu'assasat al-Risālah , h.76

⁵ Muṣṭafa al-Ghalāyainiy (1987), *Jāmu' al-Duriūs al-'Arabiyyat*, j.1, c.11, Beirut : Maktabat al-'Asriyyat , h. 50.

x. Amīl Bādī¹ Ya'qūb¹ :

هُوَ الَّذِي لَمْ يَذْكُرْ فَاعِلَةً فِي الْكَلَامِ إِمَّا لِلإِجْحَازِ إِمَّا لِلْعِلْمِ بِهِ ... وَ لَا يُتَبَّعُ الْفِعْلُ
الْمَجْهُولُ إِلَّا مِنَ الْفِعْلِ الْمُتَعَدِّي ...

Terjemahan : Iaitu apa (kata kerja) yang tidak dinyatakan pelakunya di dalam percakapan sama ada kerana ijaz atau sudah diketahui ... dan tidak dibina kata kerja pasif kecuali dari kata kerja transitif...

xi. 'Abbās Ḥasan² :

مِنَ الدَّوَاعِي مَا يَقْضِي حَذْفَ الْفَاعِلِ دُونَ فِعْلِهِ . وَ يَقْرَبُ عَلَى حَذْفِهِ أَمْرَانٍ
مَحْتُوقَاتٌ ، أَحَدُهُمَا : تَغْيِيرٌ يَطْرُأُ عَلَى فِعْلِهِ ، وَ الْآخَرُ : إِقَامَةُ كَابِ عَنْهُ يَجْعَلُ مَحْلَهُ ،
وَ يَجْزِي عَلَيْهِ كَثِيرٌ مِنْ أَحْكَامِهِ ...

Terjemahan : Antara keperluan menjadikan pelaku dimansuhkan serta dikekalkan kata kerjanya dengan tersusun di atas pemansuhan itu dua perkara yang pasti berlaku ; Pertamanya perubahan yang berlaku pada bentuk kata kerja dan satu lagi ialah mewujudkan pelaku ganti yang boleh menggantikan tempatnya dan diterapkan ke atasnya segala ciri-ciri pelaku tersebut.

Setelah diteliti dan difahami kenyatan-kenyataan di atas, dapat dirumuskan bahawa terdapat dua komponen penting yang perlu dibahas dan dikaji apabila membicarakan penggunaan ragam pasif bahasa Arab. Oleh yang demikian, kajian penyelikan ini akan cuba menyelukar permasalahan ini dengan mengfokuskan kepada dua unsur terpenting tersebut iaitu :

- a- Jenis-jenis ragam pasif.
- b- Pelaku ganti yang dibolehkan.

¹ Amīl Bādī¹ Ya'qūb (1988), *Mausu'at al-Naḥw wa al-Šarf wa al-I'rāb*, c.1, Kaherah : Dār al-'Ilm Li al-Malāyīn, h.497.

² 'Abbās Ḥasan (1973), *al-Naḥw al-Wāfi*, j.2, c.9, Kaherah : Dār al-Ma'rifa, h.107.

2.2 Jenis-jenis Ragam Pasif

Terbentuknya ragam pasif adalah untuk membezakan di antara kata kerja aktif dan pasif. Seandainya tidak diwujudkan jurang perbezaan di antara keduanya, sudah pasti akan membawa kekeliruan sekaligus menyebabkan kesilapan faham.

Ragam pasif bahasa Arab boleh dipecahkan kepada tiga bahagian ;

- i. Kata kerja pasif
- ii. Kata nama pasif
- iii. Kata nama nisbah pasif.

Ketiga-tiga bahagian ini akan dibahaskan secara mendalam dan terperinci.

2.2.1 Kata Kerja Pasif

Di antara ketiga-tiga pecahan ragam pasif, kategori kata kerja pasif merupakan kumpulan terbesar di dalam pemakaian ayat-ayat pasif. Ini kerana bangsa Arab gemar menggunakan struktur ayat yang dimulai dengan kata kerja yang dikenali sebagai *al-Jumla al-Fi 'liyyat* (الجملة الفعلية).

Setiap jenis kata kerja mempunyai aturan *wazan* pasifnya yang tersendiri. *Wazan* ini mewujudkan jurang perbezaan antara kata kerja aktif dan kata kerja pasif. Oleh sebab itu, kata kerja yang dibina pasif akan menerima beberapa perubahan yang melibatkan faktor-faktor fonologi dan morfologi. Perubahan ini juga mengambil kira bilangan kandungan huruf serta jenisnya. Hal keadaan ini membuatkan tidak semua kumpulan dan kategori kata kerja Arab boleh dipasifikkan.

2.2.1.1 Kategori Kata Kerja Pasif

Kata kerja Arab dapat dipecahkan kepada beberapa bahagian berdasarkan kepada fokus tertentu. Di antaranya dapat dibahagikan kepada dua kumpulan besar iaitu kata kerja tak transitif (ال فعل المتعدي¹) dan kata kerja transitif (ال فعل اللازم²).

Bagi kata kerja transitif, ulama nahu sebulat suara menyatakan bahawa harus ditukarkan kepada ragam pasif. Ini kerana kata kerja transitif memerlukan kepada objek yang boleh menggantikan tempat pelaku apabila dipasifkan.

Pembentukan pasif bagi kata kerja tak transitif menjadi perbahasan di kalangan ilmuan nahu. Ada di kalangan mereka berpendapat bahawa kata kerja tak transitif tidak boleh berbentuk pasif. Ini kerana jika kata kerja tersebut dibentukkan pasif, predikatnya akan kekal tanpa subjek³. Hal sedemikian ditegah berlaku di dalam pengkaedahan nahu Arab.

Namun begitu, masih terdapat segelintir daripada mereka mengharuskan kata kerja tak transitif berbentuk pasif dengan meletakkan beberapa syarat. Di antara syarat yang dikenakan ialah kata kerja itu mestilah didampingi oleh salah satu daripada⁴ ;

i. Kata nama dasar (المُهْدَّد)

Contohnya : أَسْتَهْلِكَ إِنْسَانٌ كَبِيرٌ

Terjemahan : Dirayakan dengan perayaan yang besar (hebat) .

¹ Iaitu sesuatu kata kerja yang tidak memerlukan kepada penyataan objek.

² Iaitu sesuatu kata kerja yang memerlukan kepada penyataan objek.

³ Abū al-Baqā' 'Abdullah bin Ihsain al-'Ukbariy (1995), (e.d) Ghāzi Mukhtār, *al-Lubāb Fi 'Ilal al-Binā'* wa al-'Irāb, j.1, c.1, Beirut : Dār al-Fikr al-Mu'āsir, h 158

⁴ Shauqi Daif (tt), *Tajid al-Naḥw*, Kaherah : Dār al-Ma'ārif, h.159

ii. Adverba (الظرفُ)

Contohnya : وَقَفَ أَمَامُ الدَّارِ

Terjemahan : Dihenti di hadapan rumah.

iii. Partikel Jarr (حرفُ الجرِّ)

Contohnya : يُقَامُ لَهُ

Terjemahan : Didirikan untuknya.

Selain daripada itu, ada sesetengah golongan berpendapat bahawa kata kerja tak transitif boleh bertukar statusnya kepada kata kerja transitif dengan penambahan huruf imbuhan melalui pola-pola tertentu. Dengan erti kata lain, kata kerja tak transitif yang pada asalnya tidak memerlukan kepada objek berubah menjadi kata kerja yang memerlukan kepada objek. Oleh sebab itu, ia juga boleh dipasangkan. Antara huruf-huruf imbuhan dan pola-pola tersebut ialah¹ :

i. Imbuhan huruf Hamzah (هَمْزَةً) melalui *wazan* أَفْعَلٌ

Jadual 2.1 : Contoh Imbuhan Huruf Hamzah

Imbuhan Huruf Hamzah Melalui Wazan الفعل		
Kata Kerja Tak Transitif كرم	Aktif	Pasif
Wazan أَفْعَلٌ	أَكْرَمٌ (Memuliakan)	أَكْرَمٌ (Dimuliakan)
Ayat	أَكْرَمَ مُحَمَّدَ عَلَيْهِ (Muhammad memuliakan Ali)	أَكْرَمَ عَلَيْهِ (Dimuliakan Ali)

¹ Ibid

ii. Imbuhan Alif (الْأَلِفُ) melalui *wazan* فَاعِلٌ

Jadual 2.2 : Contoh Imbuhan Alif

Imbuhan Huruf Alif Melalui Wazan فَاعِلٌ		
Kata Kerja Tak Transitif بَعْدٌ	Aktif	Pasif
Wazan فَاعِلٌ	بَاعَدَ (Menjauhi)	بُوْعَدٌ (dijauhi)
Ayat	بَاعَدَ زَيْدٌ عُمَرًا (Zaid menjauhi Umar)	بُوْعَدَ عُمَرٌ (Umar dijauhi)

iii. Pergandaan (تضاعيف) iaitu dengan cara mengulangi huruf 'ain kata kerja menjadi فَعَّلٌ

Jadual 2.3 : Contoh Penggandaan.

Penggandaan Huruf Melalui Wazan فَعَّلٌ		
Kata Kerja Thulathi شُرْفٌ	Aktif	Pasif
Wazan فَعَّلٌ	شُرْفٌ (Memuliakan)	شُرْفٌ (Dimuliakan)
Ayat	شُرْفٌ زَيْدَ قَرِينَةً (Zaid memuliakan kawannya)	شُرْفٌ قَرِينَةً (Dimulikan kawannya)

Dari aspek lain, kata kerja bahasa Arab juga boleh dipecahkan kepada dua bahagian iaitu

kata kerja yang mempunyai *taṣrif* (فَعَلْ يَصْرِفُ) dan satu lagi kata kerja yang tiada

taṣrif (فَعَلْ لَا يَصْرِفُ). Pebentukan pasif bagi kata kerja bertaṣrif disetujui oleh semua

ulama nahu Arab. Manakala bagi kata kerja yang tidak bertaṣrif, mereka sebulat

suara menegahnya¹ seperti kata kerja *نِفَمْ* (*sebaik-baik*), *بِسْنَ* (*seburuk-buruk*) dan *عَسَى* (*semoga*) kata kerja terpesona² (*فِي قُلْ أَتَعْجُبُ*), kata kerja *لَيْسَ* (*bukan*) dan kata kerja *حَذَّا* (*alangkah baiknya!*).

Sementara bagi kata kerja *kāna* dan golongannya (*كَانَ وَأَخْوَاهَا*), terdapat pelbagai pandangan terhadap pernukaranya kepada bentuk pasif³. Di antara ahli nahu yang mengutarakan pendapat mereka ialah :

i. Al-Farrā' berpendapat kata kerja *kāna* boleh bertukar bentuk kepada pasif⁴. Ini kerana susunan struktur ayat kata kerja *kāna* hampir sama dengan susunan ayat aktif yang dipasifkan. Setelah kata kerja *kāna* dipasifkan, *isimnya* (subjek) hendaklah dimansuhkan. Status subjek kata kerja *kāna* sama dengan status pelaku kerana kedua-duanya merupakan kata nama nominatif. Caranya ialah digantikan tempat subjeknya yang telah dimansuhkan itu dengan predikat *kāna* yang statusnya sama dengan objek pada ayat aktif kerana kedua-duanya adalah kata nama akusatif.

Jadual 2.4 : Contoh Kata Kerja Kāna Pasif I.

Ayat Aktif	Ayat Pasif
<u>كَانَ مُحَمَّدٌ طَالِبًا</u> Terjemahan : <i>Muhammad adalah seorang pelajar.</i>	<u>كَانَ طَالِبً</u> Terjemahan : <i>Diakui seorang pelajar.</i>

¹ Abū al-Ḥasan 'Aliy bin Mu'min bin Muḥammad Bin 'Aliy bin 'Uṣfūr al-Ishbiliy (1998), *op.cit.*, h.562.

² Terbentuk melalui dua cara iaitu seperti : *مَا أَجْعَلَ الْوِجْهَ* (*Alangkah cantik wajah*) dan *أَفْلَمَ بِ* (*Alangkah buruknya kejahilan*).

³ Abbas Hasan (1973), *al-Naḥw al-Wāfi*, j.2, c.9, Kaherah : Dār al-Ma'rifa, h.107.

⁴ Abū al-Ḥasan 'Aliy bin Mu'min bin Muḥammad Bin 'Aliy Bin 'Uṣfūr al-Ishbiliy (1998), *op.cit.*, h.563.

Pendapat ini ditolak oleh ulama nahu kerana struktur ayatnya tidak lengkap. Ini kerana apa yang tinggal pada ayat tersebut adalah predikat tanpa subjek. Keadaan sebegini ditegah berlaku di dalam perkaedahan nahu Arab¹.

ii. Al-Sairāfiy juga berpendapat kata kerja *kāna* boleh dipasifkan dengan cara menghilangkan subjek dan predikat². Pemansuhan dilakukan supaya tidak kekal predikat tanpa subjek. Kemudian digantikan tempat yang telah dihilangkan itu dengan *ḍamīr masdar*³ (ضمير المصدر).

Pendapat al-Sairāfiy ini juga ditolak oleh ilmuan nahu kerana kata kerja *kāna* adalah salah satu kata kerja *nāqisat* (الأفعال الناقصة) sementara perkataan yang seumpamanya pula tidak mempunyai kata nama dasar⁴ (المصدر).

iii. Al-Fārisiy berpendapat tidak harus dipasifkan kata kerja *kāna*. Pandangannya ini berasaskan kepada pendapat al-Farrā' dan al-Sairāfiy yang telah ditolak oleh ahli ilmuan nahu⁵.

iv. Sibawayh⁶ pula berpendapat harus dibentukkan pasif bagi kata kerja *kāna* dengan cara kedua-dua subjek dan predikatnya dihilangkan. Kemudian digantikan tempat yang telah dibuang itu dengan adverba (الطرف) atau partikel *Jarr* (حرف الجر).

¹ Ibid

² Jalāl al-Dīn 'Abd al-Rahmān bin Abū Bakr al-Sayūtiy (1998), *op.cit*, h.524

³ Ibid.

⁴ Abū al-Hasan 'Aliy bin Mu'min bin Muhammad Bin 'Aliy Bin 'Uṣfūr al-Ishbiliy (1998), *op.cit*, h.563.

⁵ Ibid

⁶ Ibid

Jadual 2.5 : Contoh Kata Kerja *Kāna* Pasif II.

Ayat Aktif	Ayat Pasif
كَانَ زَيْدٌ قَائِمًا فِي الدَّارِ	كَيْنَ فِي الدَّارِ
Terjemahan : Zaid berada di dalam rumah.	Terjemahan : Berada di dalam rumah.

Pendapat dan hujah yang dikemukakan oleh Sibawayh ini diterima pakai oleh kebanyakan ahli nahu Arab¹.

2.2.1.2 Pola Kata Kerja Pasif

Bentuk kata kerja pasif mempunyai ciri-cirinya tersendiri yang membuatkan ia berbeza dari bentuk-bentuk kata kerja lain. Di bawah ini dinyatakan ciri-cirinya serta perubahan yang bakal belaku.

A- Kata Kerja Kala Lampau

I. *Wazan* asas bagi bentuk pasif kata kerja kala lampau ialah *dammat* pada permulaannya dan *kasrat* pada huruf sebelum akhir. *Wazan* ini boleh diterapkan ke atas kata kerja *Thulāthiy* (triliteral), kata kerja *Rubā'iy* (quadriliteral) atau yang lebih daripada itu². Contohnya ;

Jadual 2.6 : Contoh Bentuk Pasif Kata Kerja Kala Lampau.

Jenis Kata Kerja	Kata Kerja Aktif	Kata Kerja Pasif
Kata Kerja <i>Thulāthiy</i>	كَتَبَ (menulis)	كُتُبَ (ditulis)
Kata Kerja <i>Rubā'iy</i>	زَنْزَلَ (menggegar atau menggongcang)	زُنْزُلَ (digegar atau digongcang)

¹ Abū al-Hasan 'Aliy bin Mu'min bin Muhammad bin 'Aliy Bin 'Uṣfūr al-Ishbiliy (1998), *op.cit*, h.563.

² Abū 'Abdullah Badr al-Dīn Muḥammad bin Jalāl al-Dīn Muḥammad al-Nāzīm (2000), (ed.) Muhammed Basal 'Ayūn al-Sūd, *Sharḥ Ibn al-Nāzīm 'Ala 'Alfiyyat Ibn Mālik*, c.1, Beirut : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyat , h.167.

II. Jika kata kerja tersebut dimulai dengan huruf *Tā' Muṭāwā'aṭ* (تاءُ المُطَاوِعَة),

dibariskan hadapan huruf pertama dan keduanya serentak¹, contohnya ;

a) تَدْخُرَجَ (*bergolek*) → تَدْخُرَجَ (*tergolek*)

b) تَكْسَرَ (*pecah*) → تَكْسَرَ (*dipecah*)

III. Jika kata kerja tersebut dimulai dengan huruf *Hamzat Wasal* (همزة الوصل),

dibariskan hadapan huruf pertama dan ketiganya² seperti contohnya ;

a) أَقْتَدَرَ (*berkuasa*) → أَقْتَدَرَ (*dikuasai*)

b) أَنْطَلَقَ (*berlepas*) → أَنْطَلَقَ (*kena berlepas*)

IV. Tedapat tiga cara membentuk pasif bagi kata kerja berikut³ :

a) Kata kerja *Thulāthiy Mu'tal al-'Aīn* (ثلاثي المُتَّلُ العَيْنِ), contohnya :

(عَادَ) (pulang) dan (قَالَ) (berkata).

b) Kata kerja *Mu'tal* terdiri daripada *wazan* افعَلَ contohnya : اختارَ

(memilih) dan (ارْتَابَ) (merasa ragu-ragu).

c) Kata kerja *Mu'tal* terdiri daripada *wazan* انْفَعَلَ contohnya : ازْرَاحَ

(berjauhan) dan (انْقَادَ) (terpimpin).

¹ Abū 'Abdullah Badr al-Dīn Muḥammad bin Jalāl al-Dīn Muḥammad al-Nāṣim (2000), *op.cit*, h.167

² Muḥammad Maḥy al-Dīn 'Abd al-Ḥamid al-Ashmūniy (tt), *Sharḥ al-Ashmūniy 'Ala Alfiyyat Ibn Malik*, j.2, c.3, Kaherah : Maktabat al-Nahḍat al-Miṣriyyat, h 178

³ 'Abbas Hasan (1973), *al-Nabw al-Wāfi*, j.2, c.9, Kaherah : Dār al-Ma'rifa, h.102.

⁴ *Mu'tal al-'Aīn* bermaksud huruf 'ain kalimah terdiri daripada huruf 'illat yang akan menerima pertukaran huruf berdasarkan kepada baris yang berada dihadapannya.

Cara membentuknya ialah :

- i. Dibariskan bawah huruf yang berada sebelum *aīn fe'il*¹. Kemudian tukarkan huruf '*illat*'nya (huruf Alif) kepada huruf Yā' bagi mewujudkan keserasian huruf '*illat*' dengan baris sebelumnya, contohnya ;

a) قَالَ (*berkata*) → قَيْلَ (*dikatakan*)

b) اخْتَارَ (*memilih*) → اخْتَيَرَ (*dipilih*)

c) الْقَادُ (*terpimpin*) → الْقَيْدُ (*dipimpin*)

- ii. Dibariskan hadapan huruf yang berada sebelum *aīn fe'il*. Kemudian ditukarkan huruf '*illat*'nya (Alif) kepada huruf Wāw disebabkan sebelumnya adalah *dammat*, contohnya ;

a) قَالَ → قُولَ

b) اخْتَارَ → اخْتَوَرَ

c) انْقَادَ → انْقُوذَ

- iii. Di '*ishmāmkan* (*الإِشْمَامُ*) huruf Fā'nya, iaitu diujarkan baris di antara

dammat dan *kasrat*. Ia tidak dinyatakan di dalam penulisan, namun dibunyikan ketika membacanya³, contohnya :

¹ Setiap kata kerja akan disandarkan kepada wazan asalnya iaitu لـ . *Ain fe'il* bermaksud huruf yang berada di tempat huruf *ain* pada *wazan* asalnya.

² Dimaksudkan dengan huruf '*illat*' ialah Alif, Wāw dan Yā'.

³ Abū al-Hasan 'Aliy bin Mu'min bin Muhammad Bin 'Aliy Bin 'Uṣfūr al-Ishbiliy (1987), (e.d) Fakhr al-Dīn Qabāwah, *al-Mumti' Fi al-Tasrif*, j.2 c.1, Beirut : Dār al-Ma'rifa, h. 452

Firman Allah swt¹ :

وَقَلَّ يَا أَرْضُ اتَّبَعِي مَاءَكِ وَيَاسِمَاءُ أَقْبَاعِي وَغَيْضَنَ الْمَاءُ وَقُضِيَ الْأَفْرُ

Terjemahan : *Dan (setelah binasanya kaum kafir itu) diperintahkan (kepada bumi dan langit dengan berkata) : " Wahai bumi ! Telanlah airmu dan. Wahai langit ! Berhentilah dari curahan hujanmu. Dan ketika itu surutlah air, serta terlaksanalah perintah itu.*

Perkataan yang di 'ishmānkan ialah : غَيْضَن dan قِيلَ

Ketiga-tiga cara yang dinyatakan di atas boleh diterima pakai dengan syarat ia bebas daripada kekeliruan. Kekeliruan ini boleh berlaku sekiranya bentuk kata kerja tersebut menyerupai dengan bentuk kata kerja lain. Sekiranya keadaan sebegini berlaku, ia haruslah dielakkan.

Sebagai contoh kata kerja *thulāthi mu'tal 'aṣṭ* sering berlaku persamaan apabila bersandaran dengan kata ganti nama pertama (ضَمِيرُ الْتَّكَلْمُ)

atau kata ganti nama kedua (ضَمِيرُ الْمَخَاطِبِ) seperti² ;

سَادَ الرَّجُلُ قَوْمَةً بِالْفَضْلِ

Terjemahan : *Lelaki itu mengetuai kaumnya dengan baik.*

Perkataan (سَادَ) apabila bersandaran dengan kata nama ganti pertama atau kedua akan menjadi سُدَّتْ atau سُدَّتْ, seperti contoh :

¹ Surah Hud, ayat 44.

² 'Abbas Ḥasan (1973), *op.cit* , h.103

سُدْنَتْ قَوْمَكَ بِالْفَضْلِ

Terjemahan : *Engkau telah memimpin kaummu dengan baik.*

Rupa bentuk kata kerja ini sama ketika ia dipasifkan. Oleh sebab itu, berlaku sedikit kekeliruan bagi menentukan sama ada ia kata kerja bersandaran dengan kata ganti nama atau kata kerja pasif. Kekeliruan yang timbul akan menyebabkan berlakunya kesilapan faham.

Bagi mengcegah perkara ini berlaku, satu inisiatif perlu diambil dengan menjadikan huruf Fā'nya berbaris bawah menjadi سِدْنَتْ atau سِدْنَتْ بِالْفَضْلِ apabila dipasifkan, contohnya :

سِدْنَتْ بِالْفَضْلِ

Terjemahan : *Aku telah dipimpin dengan baik.*

V. Bagi membentuk pasif kata kerja berganda (الفعل المضئ) seperti (mengira)

dan (صَبَّ) (mencurah air), harus huruf Fā' fe'il kata kerja tersebut berbaris dengan :

a) *Dammat* : صُبَّ

b) *Diishmām* : صِبَّ

c) *Kasrat* : صِبَّ

Ketiga-tiga bentuk pasif ini boleh diterima pakai sekiranya ia bebas daripada kekeliruan yang boleh menyebabkan berlakunya kesilapan faham¹. Pemilihan ragam pasif bagi kata kerja ini haruslah berbeza dari bentuk kata kerja lain. Ini kerana terdapat kata kerja perintah (فعل الأمر) yang sama bentuknya seperti contoh;

a) عَدُّ الْمَالِ Terjemahan : “ **Kiralah harta ini !** ”

b) رُدُّ الْعَدُوِّ Terjemahan : “ **Perangilah musuh !** ”

Kata kerja di atas sukar ditentukan sama ada ia pasif atau kata kerja perintah. Bagi mewujudkan jurang perbezaan di antara keduanya, pemilihan bentuk pasif berbaris *kasrat* atau ‘ishmām adalah paling sesuai, contohnya :

a) عَدُّ الْمَالِ Terjemahan : “ *Harta ini dikira.* ”

b) رُدُّ الْعَدُوِّ Terjemahan : “ *Musuh itu diperangi.* ”

VI. Jika terdapat pada kata kerja tersebut *Alif Mufā'ala* (أَلْفُ الْمُفَاعَلَةِ) hendaklah ditukarkan hurufnya kepada Wāw bagi mewujudkan keserasian baris *dammat* yang berada sebelumnya. Sebagai contoh ;

a) جُوهَدٌ (*dijuang*) → جَاهَدَ (*dijuangkan*)

b) تَجْوَهِلٌ (*tidak memperdulikan*) → تَجَاهَلَ (*tidak diperdulikan*)

¹ 'Abbās Ḥasan (1973), *op.cit* , h.105

B- Kata Kerja Kala Kini

Wazan asas bagi membentuk pasif kata kerja kala kini adalah dengan cara ditariskan bawah pada permulaannya diikuti dengan baris atas pada huruf sebelum akhirnya¹, seperti contoh ;

a) يَخْلُقُ (*sedang/akan mencipta*) → يُخْلَقُ (*sedang/akan diciptakan*)

b) يَضْرِبُ (*sedang/akan memukul*) → يُضْرِبُ (*sedang/akan dipukul*)

Namun begitu, berlaku sedikit perubahan bagi situasi berikut :

i. Jika kata kerja tersebut dari jenis kata kerja *Ajwāf* (الفعل الأجوف),

ditariskan bawah permulaannya dan ditariskan atas sebelum huruf 'illatnya². Kemudian huruf 'illat ini ditukarkan kepada huruf yang bersesuaian dengan baris sebelumnya iaitu Alif. Seandainya huruf 'illatnya itu sudahpun daripada huruf Alif maka dikenakan saja bentuk asalnya.

Jadual 2.7 : Contoh Pasif Kata Kerja *Ajwāf*.

Kata Kerja Aktif	Kata Kerja Pasif (huruf 'illat berubah)	Kata Kerja Pasif	Penjelasan
يَقُولُ	يُقَوْلُ	يَقَالُ	Huruf 'illatnya berubah mengikut kesesuaian baris sebelumnya
يَعْوِدُ	يُعَوِّدُ	يَعَادُ	
يَخْتَارُ	-	يُخَتَّارُ	Dikenakan huruf 'illatnya kerana telah sesuai.
يَنْقَادُ	-	يُنْقَادُ	

¹ Abbas Hasan (1973), *op.cit* , h.99

² 'Abd Aziz Muhammad Fakhr (1995) *Taudīḥ al-Naḥw Sharḥ Ibn 'Aqīl*, j.2, c.1, Kaherah : Cetakan Universiti al-Azhar, h. 190.

ii. Jika kata kerja tersebut dari jenis kata kerja berganda (الفعل المصنف),

dibariskan hadapan huruf pertamanya serta berbaris atas sebelum huruf *Tad'īfnya*¹, seperti contoh ;

a) يمتد (*memanjang*) → يمتد (*dipanjangkan*)

b) يشتد (*susah*) → يشتد (*disusahkan*)

2.2.1.3 Faktor Perubahan Kata Kerja

Setiap kata kerja yang ditukarkan kepada ragam pasif akan mengalami beberapa perubahan. Terdapat beberapa sebab mengapa bentuk kata kerja itu perlu mengalami perubahan, antaranya ialah :

- i. Sesuatu objek sememangnya layak untuk berada tempat pelaku. Tanpa ada sebarang perubahan akan menyebabkan kekeliruan untuk menentukan antara pelaku sebenar dan pelaku ganti yang pada asalnya merupakan objek.
- ii. Asas perubahan kata kerja pasif ialah wajib ditarik hadapan pada permulaannya. Kemudian diikuti pula pada huruf sebelum akhirnya dengan kasus berbaris bawah bagi kata kerja kala lampau seperti فعل dan kasus berbaris atas bagi kata kerja kala kini seperti فعل. Bentuk kata kerja ini membuatkanya ia berbeza dari bentuk kata nama atau bentuk kata kerja lain.

¹ Iaitu huruf yang digandakan.

Sekiranya bentuk sebegini tidak diterapkan, sudah pasti akan menyerupai dengan bentuk *wazan* perkataan lain. Sebagai contoh, seandainya huruf sebelum akhir itu ditukarkan barisnya, ia menyerupai *wazan* perkataan seperti¹ :

- a- Jika didammatkan, ia akan menyerupai *wazan* perkataan طَبْ² dan جُمْلَ³
- b- Jika difathatkan, ia akan menyerupai *wazan* perkataan صَرَدْ⁴ dan كُفَرَ⁵
- c- Jika disukunkan, ia akan menyerupai *wazan* perkataan فَنْتَ⁶ dan فُنْلَ⁶.

iii. Tanda *dammat* dapat mewakili serta menjadi simbul kepada pelaku yang telah dimansuhkan⁷. Ini kerana tanda utama bagi sesuatu kata nama nominatif adalah *dammat*.

iv. Pertukaran baris yang diterapkan ke atas kata kerja pasif adalah amat bermunasabah dan bersesuaian dengan kemampuan serta kemahiran percakapan orang-orang Arab. Ini terbukti dengan pemilihan penggunaan *wazan* فعل pada kata kerja kala lampau pasif.

Mereka tidak memilih *wazan* فعل iaitu dengan dikasratkan pada permulaan perkataan dan didammatkan huruf sebelum akhirnya, sedangkan *wazan* ini juga masih belum digunakan untuk mana-mana pembentukan perkataan. Antara faktor pemilihan *wazan* فعل adalah

¹Abū Sa‘īd al-Anbārī ‘Abd al-Rahmān bin Muhammād (tt), (e.d) Muḥammad Bahjah al-Bījār, ‘Asrār al-‘Arabiyyat, c.1, Dimasq : Matbū‘at al-Majma‘ al-‘Ilmiy, h.91

²Tali panjang yang digunakan untuk mengikat khemah.

³Kata jamak bagi perkataan جُمْلَ iaitu unta.

⁴Sejenis burung yang besar kepalanya, berdada putih dan memakan burubg kecil lain.

⁵Sejenis burung yang amat merdu suaranya

⁶Gelang perempuan.

⁷Muhammad Sulaimān Ya‘qūb (tt), al-Mabnī Li al-Majhūl Fi al-Dars al-Nafw, Iskandariyat : Dār al-Ma‘rifat al-Jama‘iyat, h.51

kerana proses pengujarannya iaitu dari *dammat* ke *kasrat* adalah bersifat menurun. Keadaan ini memudahkan serta mempercepatkan proses pertuturan mereka¹.

2.2.1.4 Kata Kerja Yang Dianggap Pasif

Selain daripada kata kerja yang boleh ditukarkan bentuknya kepada pasif, terdapat juga kata kerja kala lampau yang sememangnya dikhususkan pada bentuk pasif. Kata kerja-kata kerja ini dipetik melalui percakapan orang-orang Arab terdahulu. Malah penggunaannya berbentuk aktif dianggap tidak tepat dan salah. Antara ahli nahu yang banyak membicarakan permasalahan ini ialah Ibn Sîdah di dalam kitabnya al-Mukhaṣṣâṣ pada bab khusus iaitu² بَابُ مَا جَاءَ مِنَ الْأَفْقَالِ عَلَى صِيَغَةِ مَا لَمْ يُسَمَّ فَاعِلٌ :

Sesetengah ahli nahu Arab menyifatkannya sebagai suatu kata kerja yang pasif pada bentuknya sahaja, tidak pada ketulusan maknanya⁴. Justeru itu, mereka mengi'râb sesuatu yang dinominatifkan dengan kata kerja ini adalah sebagai pelaku dan bukan sebagai pelaku ganti sepetimana yang berlaku pada ayat-ayat pasif kebiasannya.

Jadual 2.8 : Contoh Ayat Kata Kerja Dianggap Pasif.

عَنِ زَيْدٍ بِهَذَا الْأَمْرِ	
Perkataan	Terjemahan : Zaid mengambil berat tentang perkara ini.
عنِ	Kata kerja kala lampau pasif.
زيدٍ	Dii'râb sebagai : <ol style="list-style-type: none"> Pelaku : bagi golongan yang menganggap kata kerjanya tidak digunakan pada bentuk aktif. Pelaku Gantian : bagi golongan yang berpendapat bahawa kata kerjanya boleh berbentuk aktif atau pasif.

¹ *Ibid*

² Abû al-Hasan 'Aliy bin Ismâ'îl Sîdât (tt), *al-Mukhaṣṣâṣ*, j.15, c. , Beirut : Dâr 'Ihyâ' al-Turâth al-'Arabiyy, h.72

³ Terjemahannya :Satu bab pada menyatakan apa yang datang dari kata kerja-kata kerja pada bentuk yang tidak dinamakan pelakunya.

⁴ Abdûh al-Râjihiy (1988), *al-Taṭbiq al-Nâḥwiyy*, c.1, Beirut : Dâr al-Nâḥdat al-'Arabiyyat , h.194

زَكْمَ (*terkejut*), ذُهْشَنْ (*terkejut*),

(*selsema*), هُنْزِلْ (*kurius kering*), شُدَّةْ (*tercengang*). Selain dari itu, terdapat banyak lagi

kata kerja berbentuk pasif tetapi kurang penggunaannya seperti :

a- شِفَ بِكَذَا ، أُولَئِكَ بِهِ ، أَسْتَهْبَرَ بِهِ ، أَغْرِيَ بِهِ yang membawa satu maksud

iaitu ikatan yang kuat pada sesuatu.

b- أَفْرَعْ bermakna “أَسْرَعْ” iaitu cepat.

c- غَنِيَ بِكَذَا bermakna “اَقْتَصَمْ بِهِ” iaitu prihatin atau beri perhatian.

d- حُمَّ فُلانْ bermakna “أَصَابَتْهُ الْحُمَى” iaitu terkena demam.

e- زَهْفَى bermakna “نَكْبَرْ” “bermegah .

2.2.2 Kata Nama Pasif (اسْمُ الْمُفْعُولِ).

Kata nama ini¹ merupakan derivasi kata kerja pasif yang menunjukkan kepada orang yang dilakukan ke atasnya sesuatu perbuatan². Kata nama ini hanya boleh diderivasikan dari kata kerja transitif satu objek, tidak dari kata kerja tak transitif atau kata kerja transitif yang objeknya lebih daripada satu³.

Kata nama pasif berfungsi sama seperti kata kerja pasif iaitu menominatfkan pelaku gantian. Namun begitu, kata nama pasif tidak semestinya berfungsi, bahkan hanya pada keadaan tertentu sahaja, antaranya⁴ ialah ;

¹ Ia termasuk salah satu daripada *shibh fi'l* (جِنْتَهُ الْفَعْلِ)

² Jamal al-Din bin 'Abdullah bin Ahmad al-Fâkihiy (1972), *al-Judûd al-Nâbwiyyât* , (e.d) Sholâh bin Hüsain al-'Âyid, c.1, Arab Saudi : (T.P) h.335

³ Jalâl al-Din 'Abd al-Rahmân bin Abû Bakr al-Sayûtiy (1998), *op.cit*, j.3, h.61

⁴ Mahmûd Hüsniy Mughâlisah (1993), *al-Nâbûw al-Shâfiy*, c.2, Beirut : Mu'assasat al-Risâlat , h.432.

- i. Ketika ia bersandaran dengan (أَلْ), ia wajib berfungsi.
- ii. Seandainya tidak bersandaran dengan (أَلْ), ia berfungsinya secara bersyarat iaitu :
- Ketika ia menerangkan hal keadaan atau sesuatu perkara yang akan datang (الاستِيَالُ).
 - Ketika ia menjadi subjek yang didahului dengan penafian (ئَفْسِيٌّ), larangan (لَهِيٌّ) atau pertanyaan (اسْتَفْهَامٌ).
 - Ketika ia menjadi predikat kepada subjek.
 - Ketika ia menyatakan sifat kepada predikat
 - Ketika ia menerangkan hal keadaan subjek dan predikat.

Jadual 2.9 : Contoh Ayat Pasif Dari Kata Nama Pasif.

Ayat Pasif	Keterangan
<u>أَنْتَ الْمَخْفُوذُ ذَكَاءً</u> Terjemahan : <i>Kamu merupakan orang yang dipuji dengan kecerdikan.</i>	<ul style="list-style-type: none"> - Kata nama pasif yang wajib berfungsi kerana bersandaran dengan أَلْ . - Pelaku gantiannya terdiri dari kata ganti nama tersembunyi dengan andaian أَنْتَ . - Ayat ini sama seperti : <u>مُحْدَثٌ بِالذَّكَاءِ</u>
<u>هُوَ مَسْرُوقٌ مَالٌ</u> Terjemahan : <i>Dia adalah mangsa kecurian harta.</i>	<ul style="list-style-type: none"> - Kata nama pasif menjadi predikat kepada subjek. - Pelaku gantiannya dinominatifkan iaitu : مَالٌ (hartanya). - Ayat ini sama seperti : <u>مُسْرَقٌ مَالٌ</u>

Secara umumnya, kata nama pasif bagi golongan kata kerja *thulāthiy* diterapkan di atas *wazan* مَفْعُولٌ. Sementara golongan kata kerja selainnya, derivasinya berlaku di atas

(حَرْفُ الْمَضَارِعَةِ) *wazan* kata kerja kala kini pasif dengan cara menukar huruf *mudāra'at*¹

kepada huruf Mim (م) yang berbaris *dammaq*². Sebagai contohnya :

Jadual 2.10 : Contoh Pebentukan Kata Nama Pasif.

Wazan مَفْعُولٌ		Tukar Huruf Muđāra'ah Kepada Huruf Mim Yang Dinominatifkan.	
Kata Kerja Thulāthi (telah)	Kata Nama Pasif	Kata Kerja Kala Kini (sedang / akan)	Kata Nama Pasif
صَرَبَ (dipukul)	مَصْرُوبٌ (yang dipukul)	يُصْرِمُ (diagungkan)	مُصْرِمٌ (yang diagungkan)
نَصَرَ (ditolong)	مَنْصُورٌ (yang ditolong)	يُنَصَّرُ (dihormati)	مُنَصَّرٌ (yang dihormati)
بَيَعَ (dibeli)	مَبَيِّعٌ (yang dibeli)	يُبَيِّنُ (berlepas)	مُبَيِّنٌ (yang dilepaskan)
وَعَدَ (dijanji)	مَوْعِدٌ (yang dijanjikan)	يُسْتَعْانُ (dibantu)	مُسْتَعْانٌ (yang dibantu)
قُلَّ (dibunuh)	مَقْتُولٌ (yang dibunuh)	يُدَخِّرُ (digolek)	مُدَخَّرٌ (yang digolek)

Terdapat juga kata nama pasif yang bentuknya seiras dengan kata nama pelaku (اسم الفاعل). Diantaranya ialah ;

مُحْتَاجٌ، مُخْتَارٌ، مُعْتَدٌ، مُحْتَلٌ

¹ Iaitu huruf ئ ، ي ، ت ، ن .

² Abd al-Ghanīy al-Daqar (1986), *Mu'jam al-Naḥw*, c.1, Beirut : Mu'assasat al-Risālat, h.24.

Bagi membezakan kedua jenis kata ini, aspek makna memainkan peranan penting di dalam menentukan jenisnya mengikut kesesuaian konteks dan mesej yang hendak disampaikan. Tidak dapat dinafikan bahawa pada asal pembentukan kedua-dua kata nama ini sememangnya terdapat perbezaan yang mudah diperhatikan. Namun bagi mengelak kesukaran dan kesulitan proses pengajaran berlaku, ia telah ditukarkan kepada satu bentuk¹. Bentuk asalnya adalah seperti berikut :

Jadual 2.11 : Bentuk Asal Kata Nama Pasif Dan Kata Nama Pelaku.

Kata Nama Pasif	Kata Nama Pelaku
مُحَتَّلٌ (yang diterangkan)	مُحَتَّلٌ (yang menerang)
مُقْدَدٌ (yang disediakan)	مُقْدَدٌ (yang menyedia)
مُخَوَّرٌ (yang dipilih)	مُخَوَّرٌ (yang memilih)
مُحْتَرَجٌ (yang dihajati)	مُحْتَرَجٌ (yang berhajat)

2.2.3 Kata Nama Nisbah Pasif (الاسم النسبيُّ إِكْثِيَّ).

Kata nama nisbah ialah suatu kata yang dinisbahkan kepada kepada sesuatu nama yang lain, seperti nama negara, kaum, budaya dan sebagainya. Akhiran perkataan tersebut ditambah dengan huruf *Yā' nisba* (يَاءُ النِّسْبَةِ) bagi menunjukkan ikatan terhadap apa yang dinisbahkan². Sebagai contoh :

صَاحِبُ رَجُلٍ تَبَرُّ عَلَيْهِ -

Terjemahan : Bersahabatlah dengan lelaki yang akhlaknya seperti nabi.

¹ Abduh al-Rajabiy (1988) *op.cit*, h.83

² Muṣṭafa al-Ghalāyiniy (1987), *op.cit*, h. 246

Perkataan **نَبِيٌّ** (nabi) pada ayat di atas adalah kata nama nisbah pasif. Ia merupakan gubahan kepada struktur ayat asalnya iaitu : صَاحِبُ رَجُلًا مَتَّسِبًا خَفْقَةً إِلَى الْأَلْيَاءِ - . Perkataan **خَلْفَةً** (akhlaknya) berada di tempat nominatif sebagai pelaku ganti kepada kata nama nisbah pasif **مَتَّسِبًا**.

2.3 Perbahasan Ahli Nahu Terhadap Ragam Pasif

Salah satu perbincangan hangat dan mendapat pertentangan idea di kalangan ahli nahu Arab ialah permasalahan di dalam menentukan status kata kerja pasif sama ada ia sebagai kata kerja utama atau pecahan kepada kata kerja aktif¹. Mereka cuba merungkaikan permasalahan ini dengan menyatakan fahaman yang didukungi beserta hujah-hujah yang memperkuuhkan pendapat yang dikemukakan².

Berdasarkan kepada pandangan mereka, dapat disimpulkan bahawa ahli nahu Arab berpecah kepada dua kumpulan utama iaitu ;

a) Golongan yang berpendapat bahawa ayat pasif merupakan ayat utama (**الأَصْلُ**). Mereka mengemukakan hujah bahawa terdapat kata kerja pasif yang tidak sesuai digunakan dengan bentuk aktif. Dengan wujudnya kata kerja sebegini membuktikan bahawa binaannya adalah yang utama dan bukannya pecahan dari yang lain.

¹ Isu ini merupakan salah satu tajuk perbincangan para ahli nahu Arab di bawah tajuk permasalahan al-Aṣl dan al-Far' (**الأَصْلُ وَالْفَرْعُ**).

² Abū al-Ḥasan 'Aliy bin Mu'min bin Muḥammad bin 'Aliy Bin 'Uṣfūr al-Ishbiliy (1998), *Sharh Jumal al-Zajājīy* , c.1. Beirut : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyat, h.569

Antara contoh kata kerja tersebut¹ ialah جُنَاحٌ (*jadi gila*) dan غُمَّةً (*terlindung*). Kata kerja-

kata kerja ini hanya digunakan di dalam bentuk pasif oleh orang Arab terdahulu. Mereka menganggap penggunaannya di dalam suasana aktif dengan dinyatakan siapa pelakunya adalah salah dan tidak tepat. Oleh itu mereka tidak akan membina ayat-ayat yang sebegini :

i - جُنَاحُ اللَّهِ زَيْدًا

Terjemahan : *Allah swt. telah menjadikan Zaid gila.*

ii - غُمَّةُ الْمَلَائِكَةِ

Terjemahan : *Allah swt. telah melindung anak bulan.*

b) Golongan yang menyatakan bahawa ia bukanlah yang asal, bahkan merupakan pecahan kepada kata kerja aktif. Mereka cuba membidas hujah yang telah dikemukakan oleh pihak lawan dengan menegaskan bahawa penggunaan kata kerja جُنَاحٌ dan غُمَّةً serta yang seumpamanya haruslah dibuat hipotesis bahawa ia disertai dengan pelaku.

Tambahan pula orang Arab juga banyak menggunakan pecahan kata dengan mengabaikan keadaan asalnya² sebagaimana yang sering kali diujarkan oleh mereka : كَادَ زَيْدٌ يَقُولُ

(*Zaid hampir saja berdiri*). Perkataan يَقُولُ digunakan bagi menggantikan perkataan قَالَ.

¹ Shauqi Daif (tt), *Taisir al-Nahw al-Ta'limi Qadiman Wa Ḥadīhan Ma'a Nahj Taḥidīh*, Kaherah : Dār al-Ma'ārif, h.184

² Abū al-Hasan 'Aliy bin Mu'min bin Muḥammad Bin 'Aliy Bin 'Uṣfūr al-Ishbiliyy (1998), *op.cit.* h.569

Golongan ini cuba memperkuuhkan lagi hujah mereka dengan mendatangkan beberapa hukum berlandaskan kepada teori-teori yang terdapat di dalam bidang morfologi. Antaranya ialah :

i- Kaedah morfologi menetapkan bahawa apabila terhimpunnya huruf Wāw dan huruf Yā' yang telah didahului dengan konsonan huruf mati, huruf Wāw tersebut hendaklah ditukarkan kepada huruf Yā'¹. Setelah kedua-dua huruf tersebut menjadi huruf Yā', ia perlu disatukan melalui proses *al-Idghām*².

Jadual 2.12 : Contoh Huruf Wāw Bertukar Kepada Huruf Yā'

Ayat	Asal Bentuk Perkataan Bergaris	Penjelasan
طَوَّيْتُ طِيَّا - Terjemahan : <i>Aku telah melipat kain.</i>	طَوَّيَا (<i>liptan kain</i>)	Huruf Wāw berbaris mati ditukarkan kepada huruf Yā'. Kemudian kedua-dua huruf Yā' digabungkan.
لَوَّيْتُ لَيَّا - Terjemahan : <i>Aku telah memintal tali.</i>	لَوَّيَا (<i>pintalan tali</i>)	

Namun bagi kata kerja pasif سُوْفَى (*yang dialirkan*) dan نُونَسْعَ (*yang dijualkan*)

tidak mengikuti kaedah yang telah dinyatakan di atas .Ini kerana huruf Wāwnya bukanlah huruf asalnya bahkan ia adalah gantian kepada huruf Alif yang mana perkataan asalnya ialah سُبَيْرٌ و نَبَاعٌ . Ini membuktikan kata kerja pasif merupakan pecahan atau cabang kepada kata kerja aktif .

¹ 'Abdullah bin Ahmad bin 'Ubaidillah Ibn Abū al-Rābi' (1986), *al-Basīf fi Sharḥ Jumal al-Zajājīy*, c.1, Beirut : Dār al-Gharbiy al-Islāmiy, h.952

² iaitu menghimpunkan suatu huruf ke atas satu huruf lain

ii- Sekiranya terhimpun dua huruf Wāw pada permulaan perkataan, wajib ditukarkan huruf pertamanya kepada huruf Hamzah. Pertukaran ini terjadi bagi menghindarkan kesukaran dan kesulitan semasa pengujaran, seperti contoh¹ :

- Perkataan **وَأَصْلَ** merupakan kata jamak bagi **(peyambung)** telah ditukar menjadi **أُوَّنِصْلَ**. Apabila **ditasghîrkan** akan menjadi **أُوَيْنِصْلَ** yang pada asalnya **وَوَيْنِصْلَ**.

Bagi kata kerja pasif **وُزْرِي** (*dinampakkan*) masih dikekalkan padanya dua huruf Wāw. Ini jelas terbukti dengan pemakaianya di dalam al-Quran : Firman Allah swt² :

وُزْرِي عَنْهُمَا مِنْ سَوْءَاتِهِمَا

Terjemahan : *Dinampakkan kepada mereka berdua aurat (yang sekian lama tertutup dari pandangan mereka).*

Kaedah yang dinyatakan terkecuali ke atas kata kerja ini. Ini kerana huruf Wawnya bukan merupakan huruf asal bahkan ia adalah gantian kepada huruf Alif yang mana perkataan asalnya ialah **وَارِي**.

2.4 Matlamat Pembinaan Ragam Pasif

Percbahasan penggunaan ragam pasif bukan sahaja menjadi tajuk kajian ahli ilmuan nahu Arab bahkan turut mendapat pemerhatian yang serius oleh ahli-ahli tafsir, Balaghah dan lain-lain. Setiap mereka mempunyai penilaian dan pandangannya tersendiri yang disertakan dengan hujah dan bukti yang konkret.

¹ 'Abdullah bin Ahmad bin 'Ubaidillah Ibn Abu al-Râbi' (1986), *op.cit*, h.952.

² Surah al-A'râf, ayat 20

Mereka cuba menggariskan beberapa motif dan matlamat penggunaan ragam pasif di dalam percakapan dan penulisan harian mereka. Penilaian mereka merangkumi pelbagai aspek, antaranya ialah :

2.4.1 Aspek Makna

Faktor utama terbinanya ragam pasif ialah pemansuhan pelaku dari pengetahuan umum. Namun begitu, pemansuhannya tidak mencacatkan pemahaman pembaca maupun pendengar. Bahkan apa yang lebih menarik, beberapa motif dan matlamat pemansuhannya dapat dikesan berdasarkan kepada makna dan pemahaman secara keseluruhan. Di antaranya ialah ;

i. Sudah Diketahui.

Walaupun agen pelakunya tidak dinyatakan secara langsung, ia tetap diketahui. Biasanya apa yang disampaikan itu bersifat general yang telah diketahui ramai. Dalam konteks ini, menyatakan pelaku dianggap sia-sia¹. Sebagai contoh :

Firman Allah swt² :

خَلَقَ الْإِنْسَانَ ضَعِيفًا ...

Terjemahan : *Dijadikan manusia dalam keadaan lemah.*

Di dalam ayat di atas, pelakunya memang telah diketahui serta diakui umum. Tiada sesuatu yang berkuasa dan layak untuk menjadikan serta mematikan manusia melainkan tuhan yang Maha Kuasa iaitu Allah swt.

¹ Muhammad 'Abd al-Badi' (1996), *Mujaz al-Nahw al-Arabiyy*, c.1, Beirut : Dār al-'Amin, h.186

² Surah al-Nisā', ayat 28.

ii. Tidak Diketahui

Pelaku tidak dapat dinyatakan oleh kerana ia betul-betul tidak diketahui. Faktor ini paling kuat mendorong penggunaan ragam pasif¹, contohnya ;

صُرِبَ زِيدٌ

Terjemahan : *Zaid dipukul atau Zaid kena pukul.*

Unsur ini bercanggah dengan unsur yang dinyatakan di atas. Pada umumnya boleh diandaikan bahawa Zaid dipukul oleh kaki pukul. Namun kaki pukul tersebut masih menjadi tanda tanya kepada pendengar siapakah orangnya?

iii. Teragu-ragu

Perasaan ragu-ragu tercetus dari perbuatan pelaku di luar dugaan manusia. Ia menjadi tanda tanya adakah benar-benar telah dilakukan perbuatan tersebut sementara namanya pula tidak dinyatakan, seperti contohnya² ;

تُصَدِّقُ بِأَنْفُسِ دِيَارِ

Terjemahan : *Disedekahkan sebanyak seribu dinar.*

Dalam ayat ini, pendengar menjadi was-was dan ragu-ragu disebabkan wang yang disedekahkan itu terlampau banyak dan jarang-jarang orang dapat berbuat sedemikian. Sebetulnya penerima wang tersebut mengetahui siapa yang mengeluarkan sedekah tersebut. Namun atas kehendak pemberi yang ingin menyembunyikan namanya untuk menghindari daripada sifat riak. Keadaan membuatkan kenyataan itu ragu-ragu dan kurang diyakini.

¹ Muhammad Maḥyū al-Dīn 'Abd al-Hamīd (1988) *Qadr al-Nadā Wabl al-Ṣada li Ibn Hishām al-Anṣāriy*, c. 1, Beirut : al-Maktab al-'Aṣriyyat . h.205

² Muhammad Sulaimān Ya'qūb (tt), *al-Mabnī Li al-Majhūl Fi al-Dars al-Nāḥiyah*, Iskandariyyat : Dār al-Ma'rifa al-Jama'iyyat , h.21

iv. Ketakutan

Takut hendak menyatakan agen pelaku yang sebenar. Perasan takut ini tercusus atas desakan dan tekanan yang diterima oleh penutur¹, contohnya :

فَلَّ زَيْدٌ

Terjemahan : *Zaid dibunuh atau Zaid kena bunuh.*

Penutur tidak menyatakan siapakah yang membunuh Zaid kerana bimbang percakapan itu nanti dijadikan sebagai saksi pembunuhan.

v. Bersifat Umum

Pemansuhan pelaku menjadikan ayat tersebut bersifat umum. Ini kerana penyataannya adalah tidak penting malah tidak perlu tahu ia hasil perbuatan sesiapa, contohnya :

a. Firman Allah Ta'ala² :

وَإِذَا حَسِّمْتُمْ بَعْثَةً فَحَمِّلُوهَا أَوْ رُدُّوهَا

Terjemahan : *Apabila diucapkan ke atas kamu Salam, maka hendaklah kamu menjawabnya dengan ucapan lebih baik atau membalasnya.*

b. Firman Allah Ta'ala³ :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آتَيْنَاكُمْ عَلَيْكُمُ الصَّيَامَ كَمَا كُبِّلَ اللَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَفَقَّنُ

Terjemahan : *Diwajibkan puasa ke atas kamu sebagaimana diwajibkan ke atas ummat terdahulu, semoga kamu beroleh ketakwaan.*

Tambahan pula, apa yang penting ingin ditegaskan di sini ialah kepentingan melakukan perbuatan tersebut. Di dalam situasi sebegini, bukan masanya untuk mempersoalkan siapa

¹ Muhammad Sulaimān Ya'qūb (tt), *op.cit* , h.21

² Surah al-Nisā', ayat 86.

³ Surah al-Baqarah, ayat 183.

pembuatnya. Oleh yang demikian, pelakunya diabaikan supaya saranan yang disampaikan lebih efektif dan memberi kesan yang mendalam.

vi. Mengagungkan

Kekadang nama agen pelaku tidak dinyatakan bagi memulia dan mengagongkan dirinya. Keadaan sebegini akan berlaku apabila pada masa yang sama terdapat objek yang dipandang hina. Sebagai contoh¹;

جعل الخنزير

Terjemahan : **Diciptakan khinzir.**

Binatang khinzir dianggap hina oleh masyarakat Islam. Oleh yang dimikian, lafaznya diasingkan daripada lafaz Jalalah (Allah) yang sememangnya tidak wajar berada beriringan.

Struktur asalnya ialah: **جعل الله الخنزير** (*Allah s.w.t telah mencipta khinzir*).

vii. Mencela

Penyembunyian pelaku juga boleh membawa maksud penghinaan serta celaan ke atas dirinya. Keadaan ini berlaku biasanya apabila pendengar tidak menggempari pelaku tersebut, seperti contoh² ;

قتل الحسين و طعن عمر

Terjemahan : **Husain dibunuhan dan Umar ditikam.**

¹ Muhammad al-Khuḍriy (1978), *Hashiat al-Khuḍriy*, j.1, c.1 Beirut : Dār al-Fikr, h.167

² Abū al-Hasan 'Aliy bin Mu'min bin Muhammad Bin 'Aliy Bin 'Uṣfūr al-Ishbiliy (1998), *op.cit*, h.561

Orang-orang Islam amat sayang kepada cucu Rasulullah s.a.w dan sahabatnya Saidina Umar r.a. Oleh demikian, hati mereka terguris apabila disebut nama pembunuh cucu Baginda dan siapa yang mencela sahabatnya. Di samping itu juga dapat memuliakan lafaz Saidina Husain r.a dan Saidina Umar r.a dengan tidak disebut secara beriringan dengan nama orang yang memusuhi mereka.

viii. Hubungan Pekerjaan

Keadaan sebegini berlaku pada lazimnya apabila pekerjaan itu mempunyai kaitan dan hubungan secara langsung dengan diri pelaku sendiri¹ seperti contoh ;

a- عمل الگنف

Terjemahan : *Kena kerja di kandang*

b- كسن السوق

Terjemahan : *Kena sapu di pasar.*

Tidak dinyatakan pada ayat di atas pekerja yang bekerja di kandang dan penyapu yang menyapu di pasar. Ini kerana sudah difahami berdasarkan kepada pekerjaan yang dilakukan serta tempatnya.

2.4.2 Aspek Lafaz

Dari penilaian ahli Balaghah, penggunaan ragam pasif dapat mengindahkan susunan kata pada sesuatu ayat serta melahirkan keunikan kesusasteraan. Penggunaannya bukanlah bersahaja, bahkan ia mempunyai motif dan matlamat tertentu, antaranya ialah ;

¹ Muhammad Sulaimān Ya'qūb (tt), *op.cit.* h.23

i. *al-Saja'* (السَّجْعُ)

Saja' merupakan salah satu unsur penyeri lafaz (محَسَّنات لِفْظِيَّةٍ) yang dibicarakan di dalam bab ilmu Badi' oleh ahli retorik. Ia membawa maksud penyamaan dua *fasiyat*¹ pada sesuatu petikan di huruf akhirnya². Sebagai contohnya ;

مَنْ طَبَّتْ سِرِيرَتَهُ حَمَدَتْ سِرِيرَتَهُ

Terjemahan : Sesiapa yang mengikuti sirahnya, dipuji akan sirah perjalanannya.

Contoh di atas tidak menyatakan pelaku bagi menjaga persamaan kasus berbaris hadapan di kedua-dua *fasiyat* tersebut. Seandainya dinyatakan pelaku, perubahan baris akan belaku dengan ditariskan di atas seperti حَمَدَ النَّاسُ سِرِيرَتَهُ.

ii. *al-'Ijāz* (الْإِجَازُ)

Secara umumnya, '*Ijaz*' membawa maksud meringkaskan percakapan dan penulisan. Namun begitu kandungannya tetap membawa makna dan maksud yang luas. Ia termasuk salah satu cabang perbahasan ilmu Balaghah di bawah tajuk ilmu Ma'ani³. Contohnya ;

Firman Allah swt.⁴ :

مَنْ عَاقَبَ بِمِثْلِ مَا عَوَقَ بِهِ ثُمَّ بَعَيَ عَلَيْهِ

Terjemahan : Sesiapa menyeksa sebagaimana dia diseksa dan kemudian dia dizalimi

¹ Iaitu dua rangkaian ungkapan.

² Faqil Hasan 'Abbas (1987), *al-Balāghat Fun 'imūhā Wa 'Afnānūhā*, j.2, c.1. 'Ammān : Dār al-Furqān Li al-Nashr wa al-Tauzi', h.303

³ Muhammad Amin Dannawiy (1999), *al-Mu'jam al-Mayassar fi al-Qawā'id wa al-Balāghat wa al-Inshā'* wa al-'Arūd, c.1 Beirut : Dār al-Kutub al-'Ilmiyya, h.220.

⁴ Surah al-Hajj , ayat 60.

iii. Keserasian Struktur (تصنيف النظم)

Kekadang ragam pasif digunakan untuk mewujudkan kerasian struktur pada sesuatu bait syair seperti yang pernah didendangkan oleh 'Ashā Maimūn bin Qais¹ ;

عَلَّةٌ - هُنَا عَرَضًا وَ عَلَقْتُ رَجُلًا غَيْرِي وَ عَلَقَ أخْرَى ذَلِكَ الرَّجُلُ

Terjemahan : *Dilukat hatiku dengan cinta terhadap seorang perempuan. Dan perempuan itu itu juga telah dilukat hatinya dengan seorang lelaki lain. Sedangkan lelaki itu juga telah dilukat hatinya terhadap seorang perempuan lain.*²

Kata kerja عَلَقْنَى pada bait syair di atas berbentuk pasif di ketiga-tiga tempatnya. Pelaku kata

kerja tersebut telah dimansuhkan kerana ia telah diketahui iaitu Allah swt bagi tujuan mewujudkan keserasian strukturnya. Sekiranya dinyatakan pelaku sudah pasti akan mengubah serta menjaskan kesenian strukturnya seperti ;

عَلَقْنَى اللَّهُ إِيَاهَا وَ عَلَقَهَا اللَّهُ رَجُلًا غَيْرِي وَ عَلَقَ اللَّهُ أخْرَى ذَلِكَ الرَّجُلُ

Terjemahan : *Allah swt. telah mengikat hatiku dengan seorang perempuan dan Allah swt juga telah mengikatkan hatinya dengan seorang lelaki lain. Dan Allah swt telah mengikatkan perempuan lain terhadap lelaki itu.*

iv. Kesatuan *Qafiat* (التفاق القوافي)

Ragam pasif juga diguna pada bait syair Arab bagi mewujudkan kesatuan *qafiat* padanya seperti contoh³ ;

وَأَذْرَكَ الْمُتَقَى مِنْ قَمِيلَتِهِ وَ مِنْ لَمَائِلَتِهِ وَ اسْتَشْنَى الْقَرَبُ

¹ Khalid bin 'Abdullah al-Azhari (2000), (e.d) Muhammad Basil 'Uyūn al-Sūd, *Sharḥ al-Tasrīḥ 'Ala al-Taṣdīḥ*, j.1, c.1, Beirut : Dār al-Kutub al-'Ilmiyya, h.421

² Bait syair tersebut menceritakan kisah cinta tiga segi di antara seorang lelaki yang jatuh cinta terhadap seorang perempuan. Pada masa yang sama perempuan itu telah jatuh cinta dengan seorang lelaki lain yang tidak disedarinya bahawa lelaki itu juga telah jatuh cinta dengan perempuan yang lain.

³ Abū al-Ḥasan 'Aliy bin Mu'min bin Muḥammad Bin 'Aliy Bin 'Uṣfir al-Ishbiliy (1998), *op.cit*, h.561

⁴ Makna perkataan : بَاكِيَةٌ ; المَعْيَةٌ : Baki air yang berada di dalam lubang yang berada di atas pucak bukit. استشنى ; الْقَرَبُ ; Air yang mengalir dari kolam.

Terjemahan : *Mampu mengesan baki air dari lopak yang berada di atas bukit. Dan dari lopak-lopak air itu terhidu air yang mengalir.*¹

Tanpa penggunaan ragam pasif ia akan merubah baris atas pada perkataan **الفرَب**. Ini memperlihatkan kelemahan pada bait syair tersebut.

2.5 Rumusan

Telah diperkatakan di dalam bab ini beberapa permasalahan yang berkaitan dengan ragam pasif dari aspek pengtakrifannya oleh ahli linguistik Arab, perubahan-perubahan kata kerjanya serta matlamat penggunaannya di dalam percakapan dan penulisan.

Perbahasan ragam pasif ini masih belum lengkap dan sempurna tanpa dibicarakan objek yang bakal menggantikan tempat agen pelaku yang telah dibuang pada kalam setelah menggunakan kata kerja pasif. Oleh yang demikian, akan dibahaskan pada bab akan datang permasalahan yang berkaitan dengan gantian agen pelaku bagi memperlengkapkan kajian penyelidikan ini.

¹ Bait syair ini menyifatkan keadaan keldai yang teramat dahaga pada musim panas.